



Info Sukan

UniMAP MENGUTIP PENGALAMAN DI KARNIVAL IMT-GT VARSITI KALI KE-10 2008

Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) telah menyertai Kejohanan Sukan dan Kebudayaan 10TH IMT-GT Varsity Carnival 2008 pada 26 Januari hingga 1 Februari 2008 bertempat di Universitas Sumatera Utara, (USU) Medan, Indonesia. Ini adalah merupakan kali ketiga UniMAP menyertai acara ini yang merangkumi 10 buah universiti daripada Malaysia, Thailand dan Indonesia. Penglibatan UniMAP dalam program seperti ini akan meningkatkan lagi nama UniMAP di persada antarabangsa di samping memupuk semangat setiakawan di kalangan universiti-universiti IMT-GT. Antara universiti yang terlibat adalah seperti berikut :-

1. Universiti Utara Malaysia (UUM)
2. Universiti Sains Malaysia (USM)
3. Universiti Teknologi MARA Malaysia (UiTM), Cawangan Perlis
4. Universiti Malaysia Perlis (UniMAP)
5. Prince of Songkla University Thailand (PSU)
6. Thaksin University Thailand (TU)
7. Universitas Sumatera Utara Indonesia (USU)
8. Universitas Negeri Medan Indonesia (UNM)
9. Institut Teknologi Medan Indonesia (ITM Medan)
10. Universitas Muhammadiyah Sumatera Utara Indonesia (UMSU)

UniMAP telah menghantar penyertaan seramai 90 orang (64 pelajar dan 26 pegawai) dan acara yang disertai oleh Kontinjen UniMAP adalah seperti Sukan melibatkan 36 orang bagi permainan bola sepak, badminton dan bola keranjang. Manakala bagi Seminar pula, 5 orang pelajar diketuai oleh YDP

Ms41>>> Menurut Naib Canselor UniMAP, Y.Bhg. Kol Prof Dato' Dr Kamarudin Hussin pada perasmian pembukaan yang turut dihadiri oleh DYT Raja Muda Perlis, Tuanku Syed Faizuddin Putra Ibtu Tuanku Syed Sirajuddin Jamalullail yang juga Canselor UniMAP, beliau berharap agar semangat bersaing dalam sukan dapat dikekalkan, malah dipamerkan dalam bidang akademik, dan penyelidikan. "Saya yakin jika semangat sukan yang sama dikekalkan, institusi kita akan menjadi institusi yang berdaya saing dalam pelbagai bidang di peringkat lokal dan global", tambahnya.

Sementara itu, majlis penutup Kejohanan Olahraga Tertutup UniMAP 2008 disempurnakan oleh Ketua Setiausaha Kementerian Pengajian Tinggi, Y.Bhg. Datuk Zulkifli A. Hassan. Dalam ucapan penutupnya, Y.Bhg. Datuk Zulkifli berkata, kejohanan olahraga yang dianjurkan merupakan satu inisiatif murni untuk menggalakkan dan membudayakan aktiviti sukan di kalangan warga universiti. "Saya percaya melalui kejohanan inilah satu titik permulaan akan muncul kepada satu usaha yang murni untuk membentuk masyarakat terutamanya warga kampus yang sihat, aktif dan cergas serta berupaya untuk pembentukan satu perpaduan antara warga kampus UniMAP ini. Ini akan mengelakkan warga kampus dari terjerumus ke lembah yang tidak diingini" katanya lagi.

Majlis Perwakilan Pelajar UniMAP iaitu Saudara Mohd Alwie telah membentangkan Kertas Kerja yang berbentuk ilmiah yang bertemakan "The Role of University in Promoting and Upholding Regional Stability" dan mengikuti forum yang diwakili oleh semua Timbalan - Timbalan Naib Canselor Universiti yang terlibat. Bagi program Persembahan dan Bengkel Kebudayaan pula, seramai 23 orang pelajar yang mempersembahkan tarian dan muzik turut mengikuti bengkel, di mana pelajar berpeluang untuk mempelajari elemen budaya ketiga-tiga buah negara.

Naib Canselor UniMAP, Kol. Prof. Dato' Dr. Kamarudin Hussin diamanahkan oleh Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia (KPT) sebagai Ketua Kontinjen Malaysia. Pada 25 Januari 2008 bertempat di Dewan Aula 1 Asrama Haji, Majlis Taklimat dan Amanat daripada Ketua Kontinjen Malaysia telah diadakan. Majlis tersebut dihadiri oleh Ketua Kontinjen USM iaitu PM Dr Omar Osman merangkap Pengerusi MASUM, Ketua Kontinjen UUM dan UiTM. Majlis ini diserikan lagi dengan kehadiran Yg. Berusaha Encik Fauzi Ahmad Konsulat Jeneral Malaysia di Medan yang menyampaikan ucapan dihadapan semua kontinjen dari Malaysia.

Pada sebelah pagi 26 Januari 2008, bertempat di Stadium Universitas Sumatera Utara, telah berlangsungnya Majlis Perasmian Pembukaan IMT-Gt Varsity yang dihadiri oleh semua kontinjen terlibat. Perasmian tersebut dimeriahkan lagi dengan persembahan band, tarian tradisional oleh tuan rumah dan demonstrasi "Jump Stone" serta diakhiri dengan tarian Poco-poco dan sajojo. Pada sebelah malamnya, bertempat di Gelanggang Mahasiswa, USU, Majlis Pembukaan Makan Malam diadakan bagi meraikan para kontinjen. Para hadirin dipersembahkan dengan tarian-tarian daripada semua universiti yang mengambil bahagian. Kontinjen UniMAP turut mempersembahkan tiga buah tarian iaitu Tarian Terinai, Tarian Canggung dan Tarian Zapin Bunga. Tarian Zapin Bunga diiringi oleh oleh Band UniMAP yang dibawa khas untuk memeriahkan persembahan tarian pada malam tersebut.

Menyorot pencapaian di dalam acara sukan, pasukan bola sepak UniMAP gagal meneruskan perlawanan ke peringkat seterusnya setelah tewas kepada Institut Teknologi Medan (ITM) dan Universitas Muhammadiyah Sumatera Utara Indonesia (UMSU). Manakala pasukan bola keranjang juga kalah dalam kedua-dua perlawanan dengan USM dan Universiti Medan (UNIMED). Pasukan badminton turut mengalami kekalahan dua kali iaitu 2-1 dengan tuan rumah USU dan 3-0 dengan USM. Tetapi bangkit untuk menewaskan pasukan UNIMAD dengan mata 3-0. tetapi pasukan UniMAP gagal ke peringkat seterusnya setelah gagal menjadi naib johan kumpulan.

Pada keseluruhannya Kontinjen UniMAP menunjukkan peningkatan dalam semua acara walaupun kalah pada pusingan awal. Tetapi semua atlet memberi komitmen dan semangat juang yang tinggi di dalam semua perlawanan.

Pada 30 Januari 2008, Majlis Penutupan IMT-GT berlangsung dengan suasana sederhana dan USM muncul juara keseluruhan. Pada majlis itu, diumumkan Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) sebagai tuan rumah IMT-GT untuk edisi akan datang.

oleh : Mohd Mustafa Al Bakri Abdullah